

Pelajar baru perlu kembangkan potensi diri

PELAJAR-pelajar baru Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) seharusnya berbangga kerana terpilih melanjutkan pengajian di universiti tempatan yang persaingannya sangat kompetitif.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj berkata kehadiran pelajar baru di universiti adalah permulaan dalam perjalanan yang jauh dan berliku.

Beliau berkata di sepanjang tiga tahun di universiti adalah masa paling berharga dan bermakna yang sewajarnya digunakan dengan sebaik yang mungkin dan penuh rasa tanggungjawab.

“Percayalah, universiti adalah tempat terbaik untuk saudara-saudari mengembangkan potensi diri dan membina keperibadian.



Dekan SSIL, Dr Ag Asri (dari kanan) bersama Dr Shariff, Dr Kassim dan Abdullah.

Di universiti jualah tempat kita meningkatkan ilmu dan memperkembangkan ilmu pengetahuan yang sedia ada.

“Di universitilah terletaknya harapan dan masa depan bangsa dan negara yang tercinta ini,” katanya berucap pada majlis Amanat Pengarah dan Majlis

Penutupan Majlis Suai Mesra (MSM) bagi pelajar baru sesi 2010/2011 di sini.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Dr Kassim Mansur.

Hadir sama, Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said;



Zamri Md Tuah (dua kanan) dan Musnin Matersah (tiga kanan) turut memeriahkan Majlis Amanat Pengarah dan Majlis Penutupan MSM 2010/2011.



Dr Ag Asri (dari kanan), Dr Rosita Chong, Dr Shariff, Dr Kassim, dan Abdullah menjadi tetamu kehormat Majlis Amanat Pengarah UMS-KAL.



Persembahan tarian kebudayaan oleh pelajar baru.



Dr Kassim (kanan) menerima cenderamata daripada Dr Shariff selepas merasmikan Majlis Amanat Pengarah UMS-KAL.



Pelajar menghadiri taklimat SPKAL di Dewan Utama.

Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Rosita Chong Abdullah; Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim; Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran), Musnin Matersah dan Penolong Pendaftar Kanan (HEPA), Zamri Mohd Tuah.

Sementara itu, Dr Kassim berkata terpikullah di bahu pelajar segala amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan bukan sahaja oleh ibu bapa malah seluruh kaum keluarga dan

masyarakat.

Beliau berharap pelajar akan merebut peluang yang ada untuk bercampur gaul sesama rakan dan taulan tanpa mengira suku kaum, bangsa dan agama dalam konteks pembelajaran dan suasana ilmu.

Katanya, berada di universiti bukan semata-mata untuk mendapatkan segulung ijazah tetapi

juga mendalami pelbagai ilmu di bidang akademik dan kokurikulum serta kemasyarakatan.

Dr Kassim juga meminta pengurusan UMS-KAL dan ahli akademik supaya bersungguh-sungguh

memikul, menggalas dan melaksanakan amanah dan tanggungjawab mendidik puter-puteri bangsa ini dengan sepenuh tenaga dan keringat kerana merekalah yang bakal memimpin generasi akan datang.



Pelajar baru menyertai senam seni di Padang Kawad untuk mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan dan pelajar.



Pendaftaran kursus SPKAL, SSIL dan PPIB di makmal komputer.



Dr Shariff (dari kanan), Dr Kassim dan Abdullah beramah mesra dengan pelajar baru UMS-KAL.